

HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA PERIODE TUNKU ABDUL RAHMAN DAN DR MAHATHIR MOHAMAD: SUATU KAJIAN KOMPARATIF

INTERNATIONAL ECONOMICS RELATIONS DURING THE TENURE OF TUNKU ABDUL RAHMAN AND DR MAHATHIR MOHAMAD: A COMPARATIVE STUDY

Faridah Jaafar¹

Abstract

This article compares Malaysia's foreign policies during the tenure of Tunku Abdul Rahman and Dr Mahathir Mohamad in terms of international economic relations. Tunku's foreign policies were influenced by the Cold War whereas Mahathir was the Prime Minister during the post-Cold War period from 1981-2003. Foreign policies in both periods were influenced by international environments besides elements of idiosyncrasy, as well as internal and external factors. Tunku and Mahathir were dominant personalities who significantly influenced the formulation of the country's foreign policies. Tunku's period indicates that pro-Western and anti-communist's policies were significant in all aspects of foreign relations, whereas Mahathir's foreign policies were more flexible. Foreign policies during both periods were affected by different situations and conditions in the respective periods. These factors contributed towards many similarities and differences in decision making in terms of international economic relations during the two periods examined in this article.

Keywords: Foreign policy, Malaysia, economic relations, Tunku Abdul Rahman, Mahathir Mohamad

Pengenalan

Kertas kerja ini akan membincangkan hubungan ekonomi antarabangsa yang berlaku dalam periode Tunku Abdul Rahman dan Mahathir Mohamad. Perbincangan dalam hubungan ekonomi antarabangsa ini penting untuk diterokai kerana aspek ekonomi merupakan antara hal yang signifikan ketika kedua-dua pemimpin menjalankan dasar luar. Buktinya kedua-dua pemimpin telah menunjukkan penekanan yang tinggi dalam hubungan ekonomi dalam menjalankan dasar luar Malaysia terutama dalam zaman Mahathir. Melalui perbincangan ini persoalan mengenai hubungan ekonomi yang berlangsung di bawah kedua-dua pemerintahan akan dapat ditelusuri secara mendalam sekaligus akan memunculkan persamaan dan perbezaan dalam hubungan ekonomi periodee Tunku Abdul Rahman dan Mahathir Mohamad. Perbincangan ini juga sekaligus akan menjawab persoalan mengapa kedua-dua pemimpin cenderung untuk menjalinkan hubungan ekonomi dengan negara-negara dan organisasi-organisasi tertentu dan menjarakkan diri dengan negara tertentu.

Dasar pro-Barat Tunku Abdul Rahman

Dalam dasar luar ekonomi Tunku telah menerapkan dasar pro-Barat. Hal ini terbukti melalui dasar pergantungan yang begitu tinggi terhadap Barat dalam hubungan ekonomi. Tanah Melayu telah memberi tumpuan khusus terhadap usaha mendapatkan perlindungan dan harga yang seimbang dari Barat terutama bagi beberapa komoditi pionir negara seperti getah dan bijih timah. Lihat Rajah 1 komposisi jumlah kasar eksport Malaysia bagi tahun 1951-1960 di lampiran. Hal ini disusuli pula dengan dasar perdagangan bebas dengan Barat. Bagi Tunku pelabur dari luar terutamanya Barat mampu menyediakan dana bagi pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Tanah Melayu di ketika itu. Tanah Melayu juga telah mengadakan pelbagai rundingan baik bersifat dua hala mahupun berbagai hala menyangkut perjanjian perdagangan yang bertujuan mengantisipasi halangan perdagangan dan sekaligus menjamin wujudnya pasaran bagi barangan dari Tanah Melayu. Bagi mencapai objektif ini Tanah Melayu telah menganggotai Rundingan Piagam Pelaburan Multilateral dalam United Nations Economic Commission For Asia and Far East (ECAFE) sebuah Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Timur Jauh pada tahun 1958.² Tanah Melayu juga berusaha mendapatkan pelepasan cukai bagi industri perintis dalam negara sejak tahun 1958. Penyertaan negara dalam Perjanjian Timah Antarabangsa pada tahun 1953 dan 1960 di bawah tajaan British merupakan langkah yang disifatkan sebagai pragmatik bagi mendapat harga yang lebih baik dari industri tersebut bagi negara pengeluar timah.³

Selain daripada itu bagi meningkatkan pembangunan ekonomi, Tanah Melayu turut menerima bantuan teknikal dari Barat. Pembabit aktif Tanah Melayu dalam kerjasama antarabangsa telah memberi keuntungan kepada terutama dalam aspek bantuan ekonomi dan kemajuan teknikal. Sebagai contoh, dalam tahun 1958 International Bank For Reconstruction and Development (IBRD) telah memberikan pinjaman sebanyak \$28.6 juta kepada Tanah Melayu bagi membantu membiayai projek Hidro Elektrik Cameron Highlands yang merupakan satu-satunya projek pembangunan terbesar di peringkat kerajaan pusat. Pinjaman kedua sebanyak \$51.9 juta telah diberikan dalam tahun 1963 bagi membiayai fasa kedua projek tersebut.⁴ Tanah Melayu turut mengorak langkah berperanan dalam organisasi antarabangsa bagi menjamin wujudnya pembangunan sosioekonomi di Dunia Ketiga. Tidak dapat dinafikan dasar pergantungan ekonomi terhadap Barat telah memberi keuntungan dari sudut ekonomi. Keuntungan tersebut antara lain ialah penerimaan bantuan modal dari negara Komanwel yang sudah maju, bantuan teknikal dan pendidikan dari 'Rencana Colombo' dan keuntungan secara tidak langsung melalui keanggotaan di dalam "kawasan sterling" dan pembabit dalam sistem pilihan perdagangan Komanwel. Apa yang telah dikecapi Tanah Melayu ini mengkonsolidasikan lagi perspektif dan sikap pro-Barat Tanah Melayu terhadap Barat dalam hubungan ekonomi.

Bagaimanapun ada harga yang harus dibayar melalui dasar pro-Barat ini. Impak daripada dasar kebergantungan terhadap Barat yang keterlaluan dalam hubungan ekonomi menyebabkan Tanah Melayu tidak begitu popular sebagai destinasi perdagangan dalam kalangan negara-negara komunis mahupun nonkomunis terutama di awal-awal kemerdekaan negara iaitu pada tahun 1958. Hal ini sungguh merugikan Tanah Melayu. Ini kerana sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Tanah Melayu sepatutnya meluaskan pasaran komoditi utama negara. Negara juga turut kehilangan potensi *buyer* yang sepatutnya menjadi milik Tanah Melayu di ketika itu. Britain juga masih mendominasi sebagai pembekal terpenting kepada Tanah Melayu. Buktinya pada tahun 1958 Britain telah muncul sebagai di antara negara pengeksport utama komoditi Tanah Melayu selepas Singapura iaitu sebanyak 18.5%. Manakala Britain juga telah muncul sebagai negara pengeluar yang paling penting kepada Tanah Melayu dan menguasai 25.0% import Tanah Melayu bagi tahun 1958. Konsekuensinya apabila Britain mendominasi import dan eksport Tanah Melayu, negara tersebut mempunyai kuasa penawaran yang tinggi memandangkan aktiviti import dan eksport Tanah Melayu banyak bergantung kepada negara Britain. Lihat Jadual 2: Destinasi eksport Tanah Melayu pada tahun 1958 dan jadual 3: Destinasi import Tanah Melayu juga bagi tahun 1958 di lampiran.

Jelasnya dalam hubungan ekonomi dasar pro-Barat Tanah Melayu diterjemahkan melalui dasar pergantungan terhadap Barat. Faktor dalaman dilihat berperanan mendorong dasar ini memandangkan keperluan ekonomi domestik yang begitu mendesak memerlukan ruang yang lebih luas bagi memasarkan komoditi Tanah Melayu. Negara Barat seperti Great Britain, Amerika Syarikat dan Eropah Barat, kesemuanya merupakan negara potensi pasaran yang begitu vital bagi komoditi mentah Tanah Melayu. Ianya juga bagi merangsang kegiatan ekonomi di Tanah Melayu kerana keadaan negara yang baru merdeka memerlukan bantuan kepakaran dan teknikal dari Barat. Faktor luaran juga turut menjadi penentu dalam dasar ini kerana Tanah Melayu akan memperolehi perlindungan dan harga yang seimbang dari Barat. Tanah Melayu turut menerima bantuan dari negara Komanwel yang telah maju. Faktor luaran turut berpengaruh terhadap dasar ini kerana pelabur asing terutamanya dari Barat dapat menyediakan modal bagi pertumbuhan dan kestabilan ekonomi di Tanah Melayu.

Kerjasama Perdagangan Dengan Barat

Sebagaimana pasca merdeka selepas pembentukan Malaysia Tunku masih meneruskan hubungan kerjasama perdagangan dengan Barat.⁵ Kerjasama ini diteruskan kerana Tunku berpegang bahawa Malaysia masih memerlukan bantuan Barat bagi memajukan ekonomi negara. Kedatangan pelabur asing terutamanya dari Barat dengan modal yang lumayan akan menjadi pemangkin terhadap kegiatan ekonomi dan seterusnya dapat memajukan dan mewujudkan kestabilan ekonomi di Malaysia. Dasar ini juga turut didorong oleh situasi dan keadaan keperluan ekonomi negara di ketika itu. Pada tahun 1965, selain sektor pertanian, industri getah dan bijih timah merupakan di antara sumber penyumbang utama ekonomi rakyat Malaysia. Negara-negara Barat seperti Britain, Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Kanada merupakan destinasi pangsa pasar penting bagi eksport barangan mentah Malaysia seperti getah, bijih timah, kayu-kayu tropika, minyak sawit dan sebagainya. Negara-negara di atas juga turut menjadi destinasi import bantuan pendidikan dan latihan. Justeru bagi Tunku adalah sesuatu yang tidak rasional sekiranya Tanah Melayu mencantas dasar pro-Barat dalam hubungan ekonomi pasca pembentukan Malaysia.⁶

Di arena antarabangsa Malaysia turut menyertai pertubuhan-pertubuhan yang berorientasikan ekonomi antara lain: *United Nation Conference on Trade and Development* (UNCTAD) pada tahun 1964 dan 1968. Hal ini bertujuan untuk membina imej Malaysia sebagai negara yang sedang membangun sekaligus menjayakan objektif ekonomi negara. Di dalam kedua-dua persidangan di atas Malaysia telah menganggotai Kumpulan 77 Negara Sedang Membangun yang memperjuangkan isu-isu pembangunan bagi meningkatkan imej Negara-Negara Sedang Membangun. Malaysia turut berpenyertaan dengan kelompok Selatan di dalam kelompok Utara-Selatan iaitu kelompok negara kaya dan miskin dalam dialog Utara Selatan. Pasca UNCTAD I, Malaysia turut terlibat dalam Konferensi Timah di dalam proses tawar-menawar harga tertinggi di Perjanjian Timah 1965 kerana tidak puas hati dengan hasil rundingan yang dijalankan. Malaysia dan Bolivia juga pernah menjalankan strategi mengugut untuk menarik diri dari perjanjian tersebut sekiranya harga tertinggi tidak ditetapkan. Ugutan tersebut bagaimanapun telah dibatalkan apabila hasil rundingan mengizinkan para pengeluar meletakkan harga siling.⁷

Secara dasarnya pasca pembentukan Malaysia dasar ekonomi dan perdagangan tidak banyak berubah sekiranya ditelusuri dari sudut postur atau gaya, tujuan dan strategi dalam hubungan ekonomi masih sama seperti sebelum pembentukan Malaysia. Hanya ada sedikit perubahan di mana Malaysia telah menjalinkan hubungan ekonomi dengan negara komunis USSR sebagai pengantar kepada hubungan diplomatik sepenuhnya dengan negara tersebut. Melalui perjanjian perdagangan yang ditandatangani pada tahun 1967 ianya merupakan perlambangan kepada orientasi ekonomi negara yang mula beralih arah untuk menjalin hubungan perdagangan yang lebih kondusif dengan negara beraliran komunis. Buktinya pasca merdeka Tanah Melayu ada menjalinkan hubungan perdagangan dengan U.S.S.R. namun tidaklah begitu kondusif, sila lihat Jadual 2 Destinasi Eksport Tanah Melayu bagi tahun 1958 di mana U.S.S.R. hanya menguasai 3.9% eksport Tanah Melayu dan negara ini tidak pernah menjadi destinasi import Tanah Melayu pada tahun tersebut. Sila lihat Jadual 3 di lampiran.⁸ Bertitik tolak dari perjanjian perdagangan ini, pada bulan April 1967 telah memacu Malaysia bersetuju untuk bertukar misi diplomatik dengan Rusia.⁹ Hal ini diikuti oleh hubungan diplomatik kemudiannya dengan Yugoslavia dan Bulgaria pada tahun 1969 dan Chechoslovakia, Poland dan Romania juga dilaporkan sedang berusaha menjalinkan hubungan dengan Malaysia pada ketika itu.¹⁰ Walaupun telah mula menjalinkan hubungan yang kondusif dalam lapangan ekonomi dengan negara-negara komunis dalam masa yang sama Tanah Melayu masih mengekalkan hubungan kerjasama ekonomi dengan negara Barat. Faktor dalaman dilihat begitu mendasari dasar ini kerana keperluan politik domestik dan Barat dilihat telah banyak memberi input terhadap kemajuan ekonomi dan perdagangan di Tanah Melayu.

Dasar Anti komunis

Orientasi Tunku yang anti komunis dalam hubungan politik dan pertahanan turut dicernakan dalam hubungan ekonomi. Buktinya dalam hubungan ekonomi boleh dikatakan tidak ada sebarang hubungan perdagangan yang kondusif dijalinkan dengan negara yang berfahaman komunis terutama di awal-awal kemerdekaan negara. Keadaan ini disifatkan sebagai tidak kondusif kerana pada tahun 1958, China hanya menguasai 2.9% eksport komoditi Tanah Melayu sedangkan Britain menguasai sebanyak 18.5% eksport Tanah Melayu. Manakala Tanah Melayu hanya mengimport 5.7% dari China berbanding dari negara Britain 25.0%. Sila lihat jadual destinasi import-eksport Tanah Melayu bagi tahun 1958 di lampiran Britain terbukti begitu mendominasi aktiviti perdagangan di Tanah Melayu.¹¹ Bagi Tanah Melayu, negara Barat merupakan destinasi perdagangan yang paling strategik dan stabil. Tanah Melayu sendiri dalam kalangan negara berfahaman komunis mahupun bagi kelompok negara yang berpendirian neutral tidak

melihat Tanah Melayu sebagai destinasi perdagangan yang popular. Ini kerana Tanah Melayu dilihat tidak pernah mengambil inisiatif meluaskan pasaran komoditi negaranya ke negara-negara yang berideologi komunis. *'So long as this fight continues, I consider that we would be breaking faith with the people if this Government were entering into any form of diplomatic relationship with the Communist countries. I have said this on diverse occasions but I wish to reiterate it here once again to clear any doubts as to our country's stand.'*¹² Dasar anti komunis dalam hubungan ekonomi ini sebenarnya merupakan implikasi dari keadaan politik domestik dan luaran negara. Dalam aspek politik domestik Tanah Melayu sedang berhadapan dengan ancaman komunis manakala politik luaran pula negara terpaksa berhadapan dengan sokongan yang diberikan oleh Parti Komunis China (PKC) terhadap Parti Komunis Malaya (PKM). Oleh kerana Tanah Melayu mengimplimentasi dasar anti komunis dalam hubungan politik sekaligus dasar tersebut turut mempengaruhi hubungan ekonomi.

Hubungan Kerjasama Perdagangan dengan Jepun

Walaupun Tunku dalam hubungan ekonominya cenderung menjalinkan hubungan intim dengan Barat, namun ini bukanlah bermakna Tunku langsung tidak membuka ruang kepada negara-negara yang berada di bahagian Asia Timur. Fakta sejarah membuktikan masih wujud hubungan diplomatik Tanah Melayu dengan negara yang posisinya berada di Asia Timur. Sebagai contoh Perdana Menteri Jepun Nobusuke Kishi merupakan Perdana Menteri pertama yang melakukan kunjungan diplomatik ke Tanah Melayu setelah negara mencapai kemerdekaan.¹³ Melalui kunjungan tersebut Nobusuke Kishi telah memberi jaminan akan memberi bantuan kepada Tanah Melayu yang antara lain menubuhkan pusat latihan teknikal di kedua-dua buah negara bagi melatih warganegara Tanah Melayu dalam pelbagai industri. Jepun juga membuka peluang kepada pelajar-pelajar daripada Tanah Melayu untuk belajar di Universiti-universiti di Jepun. Menurut Nobusuke, beliau sendiri akan mendorong pedagang-pedagang Jepun untuk memulakan kerjasama dan membantu Tanah Melayu dalam industri kecil dan sederhana.¹⁴ Jalanan hubungan diplomatik dengan Jepun ini agak signifikan kepada Tanah Melayu memandangkan Jepun merupakan antara negara potensi *buyer* bagi bahan mentah.¹⁵ Tambahan pula Jepun sendiri telah menawarkan bantuan pembangunan Tanah Melayu melalui pelaburan modal dan menerima lebih banyak barangan yang diimport dari Tanah Melayu.¹⁶ Tunku sendiri dalam ucapannya di majlis makan malam sempena meraikan kedatangan Perdana Menteri Jepun Nobusuke Kishi mengakui Tanah Melayu akan mencontohi negara matahari terbit itu dalam aspek melakukan rekonstruksi ekonomi dan memajukan industri.¹⁷ Dari ucapan Tunku ini jelas bahawa dalam periode beliau lagi, Tanah Melayu telah mula mencontohi dan mengimitasi aspek-aspek positif dari negara 'matahari terbit' tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh Mahathir dalam 'Dasar pandang Ke Timur'. Apa yang berbeza Tunku tidak sebagaimana Mahathir yang pintar mencipta istilah-istilah politik seperti 'Dasar Pandang Ke Timur' dalam mendeskriptifkan hubungan diplomatik dengan Jepun di ketika itu.

Ada dua faktor dilihat mendasari dasar ini, pertama faktor dalaman dimana wujudnya keperluan yang mendesak dimana negara perlu mencari pelabur asing dan rakan dagang selain Barat. Ini kerana pasaran Tanah Melayu sebelum ini hanya terbatas kepada negara-negara Barat dan sekutunya. Tanah Melayu juga tidak menjalinkan hubungan dengan negara-negara komunis dalam aspek politik dan sekaligus menunjukkan iklim yang kurang kondusif dengan negara-negara komunis dalam aspek ekonomi. Bagi mencari alternatif selain Barat, Jepun dilihat sebagai negara yang paling berpotensi untuk membantu Tanah Melayu membangunkan ekonominya dan sekaligus memberi profit ekonomi kepada negara. Faktor kedua berakar dari faktor luaran, di mana Jepun telah menunjukkan kesungguhan yang begitu tinggi baik secara prinsip mahupun praktikal dalam membantu membangun dan memajukan ekonomi Tanah Melayu di ketika itu malahan berkesinambungan hingga hari ini.¹⁸

Dasar anti British Mahathir Mohamad

Di awal pemerintahan Mahathir sebagaimana dalam hubungan politik, beliau turut memmanifestasikan orientasi anti British beliau dalam hubungan ekonomi. Dasar *Buy British Last* merupakan refleksi dari dasar anti British beliau dalam hubungan ekonomi. Dasar *Buy British Last* dalam hubungan ekonomi dijalankan sebagai jawapan balas terhadap keperibadian ahli korporat British yang bukan sahaja tidak peka dengan dasar-dasar kerajaan Malaysia malah sering melakukan campur tangan dalam hal-hal yang menyangkut pekerja Malaysia. Sikap peniaga Britain yang tidak peka dengan dasar ekonomi domestik Malaysia seperti DEB yang menginginkan pembabitan bumiputera di dalam ekonomi begitu menjengkelkan Malaysia.¹⁹ Malaysia juga tersinggung dengan sikap media Britain yang membuat laporan yang bersifat prejudis terhadap dasar ekonomi domestik negara. Media Britain sering melapor dan mendiskriptifkan Malaysia

sebagai sebuah negara yang mempraktikkan diskriminasi etnik dalam hubungan ekonomi kerana golongan etnik Cina dan India menurut mereka bukan sahaja dinafikan hak mereka malah ditindas dalam lapangan ekonomi dan pendidikan.²⁰

Keadaan yang muncul ini telah mendorong Malaysia melancarkan Dasar *Buy British Last* dan usaha pengambilalihan agensi Guthrie oleh Permodalan Nasional Berhad.²¹ Dasar *Buy British Last* yang dilancarkan pada tahun 1981 ini pada dasarnya merupakan dasar ekonomi dalam negeri namun ianya telah memberi impak terhadap hubungan ekonomi negara dengan Britain.²² Melalui dasar ini produk dan perkhidmatan dari Britain akan menjadi pilihan terakhir. Apa yang dipaparkan di atas berkemungkinan agak klise dan sering di ulang siar oleh media Malaysia bagi menjustifikasi Dasar *Buy British Last* namun keadaan-keadaan yang muncul di atas merupakan momentum yang ditunggu-tunggu oleh Mahathir bagi memanifestasikan rasa anti beliau terhadap Britain sebelum ini dan untuk mengajar negara mantan kolonial tersebut agar lebih menghormati kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Dasar *Buy British Last* ini telah dikaji semula pada tahun 1983, setelah Mahathir merasakan wujudnya sedikit perubahan sikap dari pihak Britain untuk meneutralkan kembali hubungan dua hala yang dingin antara Malaysia dan Britain impak dari dasar *Buy British Last*.²³ Penilaian semula dasar ini merupakan impak dari keadaan ekonomi global menjelang tahun 1983 yang menyaksikan nilai matawang pound Britain telah melorot berbanding ringgit Malaysia. Lanjutan dari nilai pound yang melorot, produk dan perkhidmatan dari Britain menjadi lebih murah, dalam keadaan ini adalah tidak realistik sekiranya Malaysia tidak mendapatkan produk dan perkhidmatan dari Britain dan masih mahu meneruskan dasar *Buy British Last*.²⁴ Menurut Mahathir; '*Even when we are saying "Buy British Last", we still laid out the welcome mat for British investors*'.²⁵

Dasar ini boleh disifatkan sebagai serampang dua mata dalam dasar luar ekonomi negara di mana sasarannya bukan sahaja kepada kerajaan Margaret Thatcher malah kepada golongan birokrat Malaysia yang terlalu mengagungkan Britain. Dipihak kerajaan Margaret Thatcher mereka telah mendapat pengajaran moral melalui dasar ini agar tidak sering meremehkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Manakala di pihak golongan birokrat mereka ini secara tidak langsung telah diingatkan untuk kembali bermuhasabah agar tidak menganggap segala produk dan perkhidmatan dari Barat adalah yang terbaik sehingga langsung tidak menggunakan hak sebagai rakyat dari sebuah negara yang berdaulat dan merdeka untuk membuat pilihan sekiranya negara lain boleh menawarkan produk, perkhidmatan dan pelayanan yang lebih baik dari Britain. Melalui Dasar *Buy British Last* dalam hubungan ekonomi Mahathir telah berjaya berhadapan dengan British dalam menghadapi persoalan kenaikan yuran pelajar Malaysia di Britain, prosedur *stock exchange* melalui kejayaan pengambilalihan Guthrie. Mahathir juga telah memberi pengajaran moral kepada firma-firma British agar lebih peka dengan dasar ekonomi kerajaan Malaysia seperti DEB. Terdapat beberapa faktor yang mendasari keputusan Mahathir dalam pengimplimentasian Dasar *Buy British Last* dalam hubungan ekonomi. Pertama, faktor keperibadian Mahathir yang anti British; kedua faktor luaran iaitu sikap para peniaga Britain yang kurang sensitif dengan dasar ekonomi dalam negeri Malaysia seperti DEB dan faktor luaran juga bersumber daripada sikap negara Jepun dan Korea yang bersedia bekerjasama dan menghulurkan bantuan dalam upaya membantu Malaysia memajukan pembangunan ekonomi.

Dasar Pandang Ke Timur

Kemunculan kegemilangan ekonomi Asia Timur telah memancing Mahathir untuk mereformasi dasar luar ekonomi Malaysia yang dahulunya berkiblat ke Barat dan beralih arah ke Timur. Dasar Pandang Ke Timur merupakan percubaan Mahathir melakukan revolusi minda dengan mengarahkan mentaliti masyarakat Malaysia untuk maju seperti negara-negara di belahan Timur terutamanya negara Jepun dan Korea dalam hubungan ekonomi. Dasar ini telah diumumkan oleh Mahathir pada 8 Februari 1982 di Persidangan Fifth Joint Annual Conference of the Malaysia-Japan Economic Association (MAJECA) dan Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA) di Hotel Hilton Kuala Lumpur.²⁶ Pada dasarnya dasar ini membawa pengertian bahawa kerajaan akan melakukan analisis, penyelidikan, menselektif nilai-nilai dan etika kerja, dan teladan yang positif daripada negara Jepun dan Korea dengan mengadaptasi dan mengimprovisasi nilai-nilai tersebut dengan keadaan di Malaysia.²⁷ Menurut Mahathir intisari Dasar Pandang Ke Timur adalah: etika kerja, cara pengurusan, serta disiplin dan dedikasi.²⁸ Selain daripada itu dasar ini juga sebagai usaha Malaysia mengubah dasar ekonomi tradisional negara yang berasaskan pertanian dan perlombongan kepada negara berasaskan industri.²⁹ Dasar ini juga boleh disifatkan sebagai refleksi dari keperibadian Mahathir yang tidak begitu selesa dengan Barat dan ingin mencari nilai-nilai baru dari Timur di dalam membangunkan ekonomi negara. Dalam pencarian tersebut beliau telah mengangkat negara-negara maju seperti Jepun dan Korea

untuk dicontohi dan dianggap sebagai *role model* dalam pembangunan negara. Namun Mahathir masih mengingatkan dasar ini bukan mengimitasi negara Jepun atau Korea secara membuta tuli sebaliknya negara akan bersifat selektif dimana perbezaan sosio-politik, budaya antara Malaysia dan Jepun akan dijadikan sandaran dalam membuat sebarang keputusan yang menyangkut dasar ini.³⁰

Ramai yang mempertikaikan mengapa negara Jepun yang pernah melakukan tindakan kekejaman ketika menjajah Tanah Melayu antara tahun 1941 hingga 1945 ini dipilih? Mahathir mempunyai jawapan yang tersendiri mengapa dua buah negara ini menjadi pilihan beliau.

Kita semua tahu negara Jepun telah hancur di dalam Peperangan Dunia Kedua. Begitu juga Korea Selatan mengalami kerosakan besar akibat peperangan. Kalau ditinjau dari segi kemusnahan yang dialami oleh negara-negara berkenaan, mereka tidak akan dapat bangun dalam masa seratus tahun. Akan tetapi, rakyat kedua-dua negara ini telah mempelajari dari pengalaman tersebut dan menjadikan sebagai satu cabaran bagi mengukuhkan azam untuk terus hidup dan maju. Hasil dari ini kedua-dua negara tersebut bukan sahaja dapat membangun semula tetapi kemajuan mereka juga merupakan salah satu yang mengagumkan di dunia selepas peperangan tersebut (Mahathir Mohamad, 1983).³¹

Pencapaian ekonomi Jepun telah menjadi model inspirasi kepada negara-negara industri baru. Melalui kemampuan penyelidikan dan ahli perniagaan yang bekerjasama erat dengan kerajaan, ekonomi Jepun telah berjaya dalam mengambil langkah besar ke arah penggunaan jentera industri yang maju dan berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti sehingga mengagumkan dunia luar (Mahathir Mohamad, 1983).³² Manakala Korea pula dipilih kerana sikap masyarakat Korea terhadap kerja, ketaatan dan disiplin telah menyumbang kepada kejayaan ekonomi negara Korea (prime Minister, 1983).³³ Ketika dasar ini diumumkan pada tahun 1982, hanya Jepun dan Korea yang disebut sebagai dua buah negara Timur yang mahu dijadikan model pembangunan ekonomi negara. Namun pada tahun 1987, ada sebuah negara lagi yang dimasukkan iaitu Taiwan. Hal ini terbukti dari petikan ucapan berikut;

The Look East Policy is concerned with learning Japanese, Korea and Taiwanese work ethics, management methods and organization business. These people are obviously successful in competing with the developed countries of the West. Surely there must be something they are doing right. We want to know what that something is. So, we look east.³⁴

Objektif utama yang telah digariskan melalui dasar ini antara lain untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan negara serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif bagi meningkatkan kemajuan Negara.³⁵ Melalui Dasar Pandang Ke Timur, kerajaan akan terus memperluaskan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan mengadakan hubungan dengan rakan dagang bukan tradisional disamping terus melestari dan memajukan hubungan perdagangan yang sedia ada selaras dengan kepentingan Negara.³⁶

Dasar Pandang Ke Timur tidak hanya sekadar retorik politik Mahathir, ianya telah disusun dan sarat dengan berbagai program bagi menjamin kejayaan dasar ini. Namun wujud beberapa masalah dalam upaya Malaysia mengimplimentasikan dasar ini. Masalah utamanya ialah bilamana ramai dalam kalangan rakyat termasuk golongan profesional gagal memahami objektif dasar ini. Malah ada pihak yang menuduh dasar ini sebagai berat sebelah kerana segala kontrek binaan dan bekalan dimenangi oleh Syarikat-syarikat dari Jepun dan Korea. Mereka juga mensifatkan Jepun dan Korea sudah begitu angkuh kerana Dasar Pandang Ke Timur. Mereka juga turut menegur sikap Kerajaan Jepun dan Korea tidak memberi lebih banyak pertolongan kepada Malaysia setelah Malaysia melancarkan Dasar Pandang Ke Timur. Menurut Mahathir; '... Dasar Pandang Ke Timur tidak bermakna orang lain mesti pikul beban kita atau mereka akan mendapat layanan istimewa. Dasar Pandang Ke Timur cuma bermakna kita akan berpaling ke Timur untuk melihat dan mempelajari bagaimana beberapa bangsa Timur berjaya membangunkan negara mereka dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain. (Mahathir mohamad, 1983)³⁷ Dalam salah satu ucapannya yang lain Mahathir telah menjawab kritikan terhadap Dasar Pandang Ke Timur:

Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk menyebelahi kontraktor Jepun atau Korea. Dasar Pandang Ke Timur ialah untuk mempelajari etika kerja dan cara-cara mengurus dan bukan untuk memberi kontrak kepada kontraktor-kontraktor Jepun atau Korea. Jika mereka dapat kontrak, ini adalah kerana tawaran harga mereka lebih rendah. Tetapi, di samping itu kita juga dapat lihat beberapa kontraktor tempatan sudah dapat menurunkan kos dan menggunkan teknik-teknik baru serta bekerja dengan lebih cepat. Saya yakin mereka sekarang lebih 'competitive' dan telahpun memenangi beberapa kontrak besar.³⁸

Walaupun ada pihak yang mengkritik Dasar Pandang Ke Timur namun tidak ada yang boleh menyangkal akan kejayaan dasar ini. Melalui Dasar Pandang Ke Timur kebanjiran kontraktor dari Timur telah membawa perkembangan yang kondusif bagi industri pembinaan dan kepada ekonomi negara. Kalau dahulu tidak ada kontraktor tempatan namun pasca pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur sudah ramai kontraktor tempatan termasuk kontraktor bumiputera. Secara perlahan-lahan projek-projek telah berjaya direbut oleh kontraktor tempatan. Usahasama atau *subcontract*, pekerja terlatih turut bertambah.³⁹ Beberapa agensi di dalam sektor awam dan swasta turut menikmati faedah daripada pendedahan dan latihan yang disediakan oleh Jepun di bawah dasar ini. Jepun juga telah memberikan sumbangan yang begitu ketara dalam membantu Malaysia meningkatkan kebolehan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan sistematik. Boleh dikatakan semua pelatih-pelatih Malaysia di bawah Dasar Pandang Ke Timur telah mendapat pekerjaan termasuk di firma-firma Jepun. Bantuan Pembangunan Luar Negeri atau ODA dan penggalakkan pelaburan luar negeri juga turut membantu menggalakkan pertumbuhan menyeluruh bukan sahaja kepada Malaysia malah bagi rantau Asia Pasifik. Program pengantarabangsaan atau 'kokusaika' yang merupakan fasa baru dalam hubungan Jepun dengan negara luar juga memberi harapan kepada pembukaan pasaran Jepun kepada barang-banrang luar negeri termasuk dari Malaysia.⁴⁰ Negara Jepun juga bukan sahaja setakat muncul sebagai rakan dagang yang begitu signifikan malah negara ini mengetuai sumber bantuan luar kepada Malaysia. Hal ini membolehkan Jepun berada di posisi mengatur sektor-sektor penting dalam ekonomi Malaysia.⁴¹

Antara tahun 1997 dan Mei 2002, sejumlah 643 projek bernilai RM 11.4 bilion dengan kepentingan Jepun direkodkan di Malaysia. Selepas Amerika Syarikat, Jepun juga telah muncul sebagai rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan telah menyumbang sebanyak RM98.37 bilion atau 16% daripada perdagangan global negara yang berjumlah RM614.84 bilion pada tahun 2001. Sehingga pertengahan tahun 2002, terdapat 1,368 syarikat berkepentingan Jepun di Malaysia dimana 786 darinya terlibat dalam sektor pembuatan dengan pelaburan bernilai hampir RM22.8 bilion.⁴² Dalam hal pelaburan langsung negara luar, Japan merupakan sumber penting kepada Malaysia. Antara bulan Januari hingga oktober 2001, sebanyak 134 projek dengan dengan pelaburan utama sebanyak RM3.05 bilion telah diluluskan. Negara Jepun juga kekal sebagai pelabur kedua terbesar selepas Amerika Syarikat. Pada tahun 2002 bagi aspek perdagangan Jepun juga muncul sebagai negara rakan dagang kedua penting yang menyumbang kepada 17% dagangan dunia Malaysia.⁴³ Negara Jepun juga telah banyak menyumbang kepada kemajuan ekonomi Malaysia.⁴⁴ Keinginan yang kuat untuk mengimitasi kejayaan Jepun telah mendorong Malaysia untuk menghantar pelajar-pelajar bagi mendapat latihan di Jepun. Sejak pelancaran Dasar Pandang Ke Timur Malaysia telah menghantar seramai 13,000 rakyat Malaysia untuk melanjutkan pelajaran dan mendapat latihan di Jepun di bawah dasar ini. Malaysia juga masih percaya bahawa Dasar Pandang Ke Timur masih relevan dan Malaysia juga percaya bahawa universiti-universiti dan institusi-institusi di negara Jepun akan menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar-pelajar dan pelatih dari Malaysia.⁴⁵

Menurut Mahathir, Jepun juga telah menunjukkan iltizam yang tinggi dalam membantu membangunkan ekonomi Malaysia. Buktinya negara ini telah memberi pinjaman kepada Malaysia dengan hanya mengenakan bunga sebanyak 0.7% dan negara boleh membuat pembayaran dalam tempoh selama 40 tahun, berbanding sekiranya Malaysia meminjam dari pasaran antarabangsa bunga yang dikenakan adalah sebanyak 4.5% dengan berbagai-bagai syarat yang dikenakan. Justeru menurut beliau lagi adalah merupakan satu kebodohan sekiranya Malaysia tidak mengambil peluang dari sikap baik Jepun ini.⁴⁶ Selain daripada itu pasaran negara Jepun juga dilihat masih belum diterokai sepenuhnya kerana dasar perlindungan negara tersebut yang agak ketat. Dengan Dasar Pandang ke Timur, Malaysia mengharapkan negara Jepun lebih bersikap terbuka dengan membuka pasarannya kepada komoditi daripada Malaysia.⁴⁷

Hubungan dengan Jepun merupakan salah satu ciri persamaan dalam dasar luar periode Tunku Abdul Rahman dan Mahathir dimana di dalam kedua-dua fasa pemerintahan menjalinkan hubungan yang erat dengan Jepun terutama dalam hubungan ekonomi. Dalam periode pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Tanah Melayu telah menerima berbagai bantuan daripada negara matahari terbit ini samada dalam bentuk latihan teknikal, kepakaran,

dan bantuan dana bagi membangunkan ekonomi Tanah Melayu.⁴⁸ Dalam periode Tunku Abdul Rahman walaupun Tanah Melayu telah menjalin hubungan dengan negara Jepun namun hubungan tersebut masih berada di tahap awal. Namun dalam periode Mahathir hubungan Malaysia dengan negara Jepun menjadi lebih konkrit ketika beliau mengimplimentasikan dasar *Buy British Last*. Melalui dasar ini posisi Jepun sebagai rakan dagang Malaysia telah diangkat ke posisi yang begitu tinggi bagi menggantikan posisi yang selama ini diterajui oleh Britain. Kepentingan Jepun ini menjadi lebih kukuh apabila Mahathir melancarkan Dasar 'Pandang Ke Timur' yang telah diperkenalkan oleh beliau pada 8 Februari 1982 di persidangan Fifth Joint Annual Conference of Malaysia-Japan Economic Association (MAJECA)/Japan-Malaysia Economic association (JAMECA) di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.⁴⁹ Hal-hal diatas menjelaskan bahawa wujud ciri-ciri persamaan dalam hubungan ekonomi di mana kedua-dua Perdana Menteri baik Tunku Abdul Rahman mahupun Mahathir menjadikan Jepun sebagai negara yang perlu dicontohi dalam aspek pembangunan ekonomi negara.⁵⁰

Terdapat beberapa faktor yang mendukung keputusan Mahathir mengimplimentasikan Dasar Pandang Ke Timur antaranya: Faktor dalaman sebagaimana yang telah kajian ini sebutkan di atas dimana dasar ini sebagai alternatif kepada Malaysia yang selama ini menghalakan kiblat ke Barat terutamanya Britain di dalam membangunkan ekonomi negara. 'Kita tidak nampak pada masa saya sesuatu yang kita boleh dapat dari United Kingdom, sebaliknya kita lihat Jepun dan Korea ini adalah negara-negara yang cepat membangun dan kita perlu belajar daripada mereka.'⁵¹ Faktor dalaman lain adalah kerana kepentingan ekonomi Malaysia yang ingin menumpang keadaan ekonomi Jepun yang sedang rancak berkembang. Faktor luaran turut terlibat dimana Jepun telah muncul sebagai negara industri paling berjaya di dunia, justeru kedatangan investor daripada Jepun dengan dana yang besar begitu signifikan bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Kerjasama Ekonomi ASEAN, NAM dan Selatan-selatan

Hubungan ekonomi dalam dasar luar periode Mahathir juga begitu menitikberatkan kerjasama ekonomi ASEAN. Malaysia tanpa ragu-ragu menyumbang sepenuhnya kepada kerjasama regional dalam hubungan ekonomi. Malaysia menyedari negara harus berhadapan dengan peningkatan jumlah isu dan cabaran dan negara boleh melakukan sesuatu yang lebih baik secara regional berbanding bertindak secara solo. Melalui kerjasama regional negara dapat mengumpulkan segala sumber dan mendapat posisi yang lebih baik dalam upaya tawar menawar di berbagai persidangan. Untuk itu pendekatan Malaysia terhadap regionalisme ekonomi dapat dicernakan melalui ASEAN. Selain ASEAN, NAM juga turut mendapat tempat dalam upaya Malaysia menyampaikan aspirasi ekonomi negara di arena antarabangsa. Menurut Camroux, beberapa siri inisiatif Malaysia yang menyangkut Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992 adalah merupakan ilustrasi terbaik agenda baru Mahathir untuk NAM. Mahathir juga dalam hubungan ekonomi begitu komited terhadap kerjasama ekonomi dalam kalangan Negara-negara Sedang Membangun atau Kerjasama Selatan-selatan. Kerjasama bukan sahaja dalam aspek perdagangan malah mencakupi aspek ekonomi dan kerjasama teknikal. Menurut Mahathir, Malaysia begitu menitikberatkan penubuhan *Independent Commission* oleh Negara Selatan yang diketuai oleh Mantan Presiden Tanzania Dr. Julius Nyerere yang dianggap sebagai langkah yang begitu signifikan kearah kerjasama di kalangan Negara-negara Sedang Membangun.⁵² Faktor dalaman dilihat sebagai faktor utama yang mendasari hubungan Malaysia dengan ASEAN dalam aspek ekonomi. Dimana signifikansi organisasi ini begitu menyerlah dalam upaya Malaysia mempromosi kerjasama ekonomi dan politik dengan rakan dagang Malaysia yang lain.

Manakala terdapat dua faktor yang mendukung dasar Malaysia terhadap NAM. Pertama faktor luaran dimana organisasi NAM disifatkan sebagai organisasi yang begitu vital dalam memperjuangkan nasib Negara-negara NAM. Selain daripada itu Negara-negara NAM juga harus saling bahu membahu memajukan ekonomi negara masing-masing tanpa terlalu bergantung harap kepada Negara-negara Maju. Dengan cara ini ketergantungan yang keterlaluan akan dapat diminimalisasikan. Faktor dalaman turut berpengaruh dimana Malaysia dapat memperjuangkan isu-isu yang menyangkut Negara-negara Dunia Ketiga yang lain. Ada satu faktor utama yang mendukung terhadap kerjasama Selatan-selatan, iaitu faktor luaran dimana kerjasama Selatan-selatan dilakukan atas kesedaran Negara Selatan-selatan harus meningkatkan kerjasama sesama mereka bagi membangunkan sektor ekonomi di negara masing-masing. Selain daripada itu kerjasama Selatan-selatan juga penting bagi perkembangan ekonomi negara sekaligus tidak perlu mengharap bantuan negara-negara maju untuk melakukan penstrukturan semula ekonomi dunia. Nampaknya faktor dalaman Malaysia juga begitu mendominasi hubungan Malaysia dengan negara-negara kecil. Pertama, Malaysia dapat menghulurkan bantuan kepada negara-negara tersebut untuk membangun. Kedua, bagi meningkatkan hubungan Malaysia dengan Negara-negara Sedang Membangun. Ketiga, bagi meneroka pangsa pasar baru di negara-negara tersebut yang masih belum diterokai sepenuhnya. Keempat, bagi

mencipta ruang dan peluang kepada gensi-agensi swasta melakukan pelaburan di negara-negara sasaran dan terakhir bagi meninggikan prestij negara di pentas politik global.

Hubungan ekonomi ketika Tunku dan Mahathir

Tunku sering mengungkapkan Tanah Melayu menjalankan dasar baik dengan semua negara dalam hubungan ekonomi, namun kenyataan telah menunjukkan Tunku telah meletakkan orientasi kebaratan dalam hubungan ekonomi. Buktinya dasar baik dan bergantung kepada Britain dalam hubungan ekonomi telah diputuskan oleh Tunku sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Hal ini terungkap melalui usaha Tunku pergi ke London pada 11 Disember 1956 bagi mendapatkan bantuan kewangan sebanyak \$1,000 million dari Britain.⁵³ Dalam hubungan ekonomi juga sikap ketergantungan Tanah Melayu kepada Britain tercermin melalui usaha negara mendapatkan perlindungan dan harga yang seimbang dari Britain bagi komoditi utama dan dasar mengadakan perjanjian perdagangan dengan Barat.⁵⁴ Melalui dasar ini Tanah Melayu mengadakan negosiasi baik bersifat dua hala mahupun berbagai hala menyangkut perjanjian perdagangan terutamanya dengan negara Barat. Ketergantungan Tanah Melayu terhadap Barat dalam hubungan ekonomi juga jelas tercermin melalui penerimaan bantuan teknikal dari Barat.⁵⁵ Sekiranya diamati diperingkat awal kemerdekaan lagi Tanah Melayu telah menunjukkan intensiti menjalin hubungan dengan beberapa negara Komanwel, negara-negara jiran dan negara selama ini mempunyai hubungan perdagangan tradisional dengan Tanah Melayu.⁵⁶ Dari frasa ini ada dua hal yang merujuk kepada hubungan dengan Britain oleh Tanah Melayu iaitu negara Komanwel yang didalamnya Britain sebagai negara yang mengetuainya dan negara yang mempunyai hubungan perdagangan tradisional dengan Tanah Melayu dimana Britain juga turut termasuk di dalamnya.⁵⁷

Dasar Tunku yang bergantung terhadap Barat dalam hubungan ekonomi telah menjadikan Tanah Melayu memperolehi manfaat seperti mendapatkan harga seimbang dari Barat bagi beberapa komoditi utama, menerima bantuan melalui Rancangan Colombo dan sekaligus menjadikan negara sebagai destinasi perdagangan yang popular. Namun dalam masa yang sama Tanah Melayu harus menerima kesan dari dasar ini dimana pasaran Tanah Melayu didominasi oleh negara-negara Barat terutamanya Britain. Oleh kerana tidak ada kompetisi kebanyakan harga komoditi ditentukan oleh negara Barat. Tanah Melayu juga tidak begitu popular sebagai destinasi perdagangan bagi negara-negara komunis mahupun non komunis. Manakala dalam periode Mahathir beliau pernah mengungkapkan Malaysia menjalin hubungan ekonomi dengan semua negara tanpa mengira batas ideologi selama negara tersebut dapat memberi profit ekonomi kepada negara. 'Ini kerana dalam periode Tun Dr. Mahathir keperluan untuk mengkonsentrasikan aspek dasar luar ekonomi menjadi lebih mendesak berbanding aspek politik. Justeru kerana itu dalam periode Tun Dr. Mahathir beliau lebih menitikberatkan diplomasi ekonomi berbanding hal-hal lain dalam aspek dasar luar.'⁵⁸ Menurut Mahathir lagi:

Sebagai sebuah negara dagang Malaysia perlu mempunyai pasaran yang luas, hubungan yang semakin bertambah akan memungkinkan negara-negara tersebut menjadi trading partner yang boleh berdagang dengan Malaysia. Hal inilah yang merangsang saya untuk berkunjung ke negara-negara komunis seperti Rusia, China, Romania, Yugoslavia dan termasuk Cuba.⁵⁹

Dalam hubungan ekonomi, dasar pembelian produk dan perkhidmatan terakhir dari Britain merupakan pernyataan sikap Mahathir yang anti British. Selaras dengan asas anti British dalam hubungan ekonomi, Mahathir menjalankan yang bertujuan menggantikan posisi Britain dengan Jepun dan Korea dalam hubungan ekonomi terutama dalam aspek *Foreign Direct Investment* dan perdagangan. Buktinya dalam hubungan ekonomi telah berlaku peningkatan yang mendadak antara Malaysia dan dua negara Timur Jepun dan Korea.⁶⁰ Ketika ditanya mengapa Mahathir memilih Jepun dan Korea sebagai negara untuk ditiru, Rafidah menjawab; '... kerana perubahan masa, di mana dalam periode Tun Dr. Mahathir kedua-dua buah negara ini telah muncul sebagai negara perindustrian yang begitu maju. Sekiranya negara tidak berbuat sedemikian kita akan ketinggalan.'⁶¹ Hal ini bersinkronisasi dengan jawapan yang diberikan oleh Mahathir:

Kalau kita berpegang kepada faktor sejarah mungkin kita tidak akan berbaik dengan mereka kerana mereka pernah menjajah kita bahkan melakukan kezaliman ke atas kita. Tetapi kita ketepikan fakta itu dan sebaliknya kita utamakan apa yang boleh kita pelajari daripada mereka. Yang utamanya bagaimana membangun sebuah negara dan keduanya ialah etika kerja mereka kerana etika kerja merekalah yang memberi kejayaan kepada mereka.⁶²

Dari jawapan ini menunjukkan Mahathir telah memanfaatkan situasi yang ada dengan memberi respon terhadap lingkungan politik dan ekonomi di ketika itu agar negara walaupun tidak berdiri sama tinggi atau duduk sama rendah sekurang-kurangnya dapat mengekori kemajuan kedua-dua negara tersebut.

Dalam hubungan ekonomi dilihat mempunyai kelebihan apabila Mahathir mengurangkan ketergantungan ekonomi terhadap Britain dan meluaskan mitra ekonomi dengan negara-negara lain. Dasar Pandang Ke Timur telah meningkatkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Jepun dan Korea sekaligus mengundang kedatangan investor dari kedua buah negara ke Malaysia. Mendekati negara-negara kecil, kurang maju dan tidak dikenali juga merupakan suatu kelebihan kerana Malaysia berpeluang meneroka pangsa pasar baru. Dalam masa yang sama dasar Mahathir dalam hubungan ekonomi mempunyai kelemahan kerana dalam periode beliau hubungan diplomatik dengan Britain mengalami penyusutan begitu juga hubungan ekonomi. Mengenai hubungan dengan Jepun dan Korea, ketidakseimbangan hubungan turut berlaku dalam hubungan ekonomi. Manakala Malaysia kadangkala terpaksa mengeluarkan modal yang besar bagi menjejaki pangsa pasar baru di negara-negara yang tidak terkenal.

Sepertinya hal-hal di atas berlaku kerana kondisi semasa di ketika itu menjadikan kedua-dua pemimpin selesai mengambil pendekatan sedemikian rupa baik dalam hubungan ekonomi. Ketika ditanya mengapa Tunku dan beliau menunjukkan kecenderungan sikap bergaul mesra dengan negara-negara tertentu, Mahathir memberikan rasionalnya yang tersendiri. 'Apa yang dilakukan oleh Tunku dan saya mengikut situasi dan kepentingan negara yang selaras dengan keperluan dan kehendak negara di ketika itu.'⁶³ Itulah masukan yang ada di ketika itu, justeru dasar luar Tanah Melayu lebih mirip dengan dasar British dan Komanwel diberikan keutamaan begitu juga dengan negara-negara sekutu Komanwel. Tanah Melayu juga menganggap negara komunis sebagai musuh dan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Timur atau lebih tepat lagi negara komunis. Apa yang dapat disimpulkan ketika periode Tunku hubungan politik Tanah Melayu agak terhad. Manakala dalam periode Mahathir masukan dan muatan yang ada dalam dasar luar Malaysia berbeza selaras dengan perkembangan usia negara.⁶⁴ Ketika kepimpinan Mahathir telah wujud satu keperluan mendesak dalam hubungan ekonomi untuk menjalinkan hubungan dengan semua pihak. Hal ini dilakukan bagi menjejaki dan mengintai peluang-peluang pelaburan dan mencari negara potensi yang boleh dijadikan mitra dan sumber pelaburan. Jepun dan Korea merupakan dua negara yang membangun begitu drastik dan Mahathir merasakan adalah perlu untuk Malaysia belajar daripada kedua-dua buah negara tersebut. Kediaan Jepun membantu Malaysia dengan ODA mereka merupakan peluang keemasan yang tidak harus ditolak. Hal-hal di ataslah yang menjadikan Tunku menunjukkan kecenderungan untuk menjalin hubungan yang mesra dengan Britain dan Mahathir lebih selesa berpaling kepada negara Jepun dan Korea.⁶⁵

Rumusan

Ketika Tunku meletakkan hubungan ekonomi ditempat ketiga untuk diberi penekanan selepas hubungan politik, keselamatan dan pertahanan, Mahathir sebaliknya telah memberi tumpuan yang tinggi terhadap hubungan ekonomi melebihi hubungan keselamatan dan pertahanan. Lebih jauh beliau menjadikan dimensi ekonomi sebagai asas dalam setiap hubungan diplomatik dengan dunia luar. Mahathir juga lebih bersikap pro-aktif bagi menyampaikan aspirasi kepentingan ekonomi Malaysia di arena antarabangsa. Sikap proaktif Mahathir terbukti melalui usaha beliau memperjuangkan penstrukturan semula ekonomi dunia. Dalam hubungan ekonomi juga perbezaan jelas ternyata antara Tunku dan Mahathir dalam mendekati negara-negara untuk dijadikan rakan dagang Malaysia. Dalam periode Tunku, hubungan ekonomi turut ditentukan oleh anutan ideologi negara terbabit. Manakala Mahathir tidak menjadikan ideologi sebagai parameter ketika beliau memutuskan untuk menjalinkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara tertentu. Kerana itu Tunku begitu selesa memilih Britain dan sekutunya dalam Komanwel sebagai rakan dagang yang paling signifikan malah dalam situasi tertentu Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia seolah-olah terlalu bergantung dengan negara terbabit dalam upaya negara menjaga ekonomi. Manakala Mahathir pula lebih selesa memilih Jepun sebagai rakan dagang yang perlu diberi perhatian berdasarkan pencapaian ekonomi negara tersebut yang begitu mengagumkan.

Nota

¹Faridah Jaafar is a lecturer at the Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.

²Speech by the Prime Minister at the opening of the ECAFE Conference Hall in Kuala Lumpur on 24th Februari, 1958. Lihat juga ucapan majlis makan malam Perdana Menteri bagi ECAFE delegates di Selangor Club, Kuala Lumpur, 13 March, 1958.

³Jayaratanam Saravanamuttu, 1976. A Study of the Content, Source, and Development of Malaysia Foreign Policy, 1957-1975. Tesis Ph.D, University of British Columbia, hlm. 49 dan 56. Lihat juga Yap Gaik Khonn, 1960. Treaties and Engagements Affecting Malaysia, 1940-1060. B.A, Dissertation, University of Singapore, hlm. 47.

⁴J. Saravanamuttu, 1983. *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, hlm. 40.

⁵Ibid., hlm. 76-83.

⁶Bagi melihat perangkaan rasmi pelaburan Britain di Malaysia lihat Donald Maclean, 1970. *British Foreign Policy, 1956-1968*. London: Hodder and Stoughton, hlm. 243.

⁷Bagi mendapat penjelasan lebih terperinci mengenai isu di atas rujuk 'Storm In a Teacup', *Far Eastern Economic Review* (FEER), vol. 51, Jan. 20, 1966, hlm. 90-91, 'The Tunku Tin Trouble', *Far Eastern Economic Review*, vol. 51, Jan. 20, 1966, hlm. 88-91 dan 'Tin: Is the Price too high?', *Far Eastern Economic Review*, Vol. 53, Aug. 18, 1966, hlm. 321-324.

⁸Lim Chong Yah. West Malaysian External Trade, 1947-1965. In: Theodore Morgan and Nyle Spoelstra (eds), 1969. *Economic Interdependence in Southeast Asia*. Madison: University of Wisconsin Press, hlm. 216, hlm. 225-226.

⁹*Straits Times*, 4 April 1967. Lihat juga *Malay Mail*, 25 Julai 1967.

¹⁰*Straits Times*, 3 Januari 1969.

¹¹Lim Chong Yah (1969), hlm. 216, hlm. 225-226.

¹²Speech by the Prime Minister Tunku Abdul Rahman in the Federal Legislative Council, 6 Dec., 1958.

¹³Speech by the Prime Minister Tunku Abdul Rahman at a dinner in honour of visiting Prime Minister of Japan Nobusuke Kishi, 24 Nov. 1957. *Malay Mail*, 25 Nov. 1957 dan *Straits Times*, 25 Nov. 1957.

¹⁴*Straits Times*, 26 Nov. 1957 dan *Malay Mail*, 26 Nov. 1957.

¹⁵Speech by the Prime Minister at a dinner in Honour of the visiting Prime Minister of Japan Mr. Nobusuke Kishi on 24 Nov. 1957.

¹⁶*Straits Times*, 23 Nov. 1957 dan *Straits Times*, 25 Nov. 1957.

¹⁷Speech by the Prime Minister at a dinner for visiting Prime Minister of Japan, Nobusuke Kishi, 24 Nov. 1957. *The Malay Mail*, 25 Nov. 1957.

¹⁸Bagi mendapat penerangan yang lebih terperinci dan jelas mengenai hubungan kerjasama perdagangan dengan Jepun dalam era Tunku Abdul Rahman sila rujuk MD Nasrudin Md Akhir, Asmadi Hassan dan Rohayati Paidi, 2008. *Organisasi dan Institusi Jepun*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya, hlm. 194-198.

¹⁹Buktinya syarikat-syarikat British merupakan syarikat yang paling lamban dalam melakukan penstrukturan semula terutama dalam aspek ekuiti dan pekerjaan. Hal ini sekaligus mencerminkan bahawa syarikat-syarikat ini bukan sahaja tidak ambil peduli dengan DEB malah berkemungkinan besar cuba untuk menggagalkannya.

²⁰Ibid, Chamil Wariya, *Dasar Lua Era Mahathir*, hlm. 58

²¹Jomo K.S., 1983. *The Sun also Set*, Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial, hlm. x. Bagi melihat penjelasan lanjut mengenai pengambilalihan Guthrie oleh Permodalan Nasional Berhad sila lihat *Utusan Malaysia*, 21 April 2007 yang bertajuk 'Bukan Khalid Bawa Balik Guthrie.'

²²Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di 'The 5th Joint Annual Conference of Majeca/JAMECA' di Kuala Lumpur Hilton pada 8 Februari 1982. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

²³ Arkib Mahathir Mohamad 5975, Hubungan Malaysia- Britain akan dapat dipulihkan. Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad, 'The Inaugural Dinner of The Malaysian-British Society,' di Hilton Hotel, Kuala Lumpur pada 18 Sept. 1984. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

²⁴ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 61.

²⁵ Ibid.

²⁶ Speech by the Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad at 'The 5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA,' Kuala Lumpur Hilton, 8 Feb. 1982. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

²⁷ Arkib Mahathir Mohamad 6122, PM Keluarkan Surat Pekeliling Terangkan Dasar Pandang Ke Timur. Gordon P. Means, 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press, hlm.22-24.

²⁸ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di Perasmian Pameran di Changkat Pavillion, Kuala Lumpur, pada 1 March 1984. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

²⁹ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di 'The 7th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA,' di Kuala Lumpur Hilton, 5 March 1984. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³⁰ Ucapan Tun Dr Mahathir di 'International Symposium Organised by Keio University', di Tokyo pada 19 Nov. 1983. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³¹ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di Upacara Perasmian Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat Yang Kedua di Kem Terendak, Melaka, pada 17 Februari 1983. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³² Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad, 'To The Japanese Economic Organisations', di Tokyo Jepun pada 24 Januari 1983. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³³ Speech by the Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad at banquet hosted by President Chun Doo Hwan In Seoul, Republic of Korea, 9 Ogos 1983. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³⁴ Ucapan Tun Dr Mahtahir Mohamad di seminar pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di Hilton Hotel pada 22 Julai 1987. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³⁵ <http://pmr.penerangan.gov.my>. Tarikh dilawati: 30 Julai 2008

³⁶ Ibid.

³⁷ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di perasmian Kompleks Sapura Holdings di Kawasan Perdagangan Bebas, Ulu Kelang, Selangor pada 23 Julai 1983. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³⁸ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di Majlis Makan Malam Sempena Ulang tahun Ke-30 Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia (Master Builders Association Malaysia), di hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 28 November 1984. Sumber: Pejabat Perdana Menteri.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di majlis makan malam bagi menghormati Perdana Menteri Jepun, Noburo Takeshita, di Seri Perdana, Kuala Lumpur pada 2 Mei 1989.

⁴¹ *Far Eastern Economic Review*; 28 Mac 1991 hlm. 50-51.

⁴² *Utusan Malaysia*, 10 Julai 2003. Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad di majlis makan malam Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, di Seri Perdana Putrajaya, Malaysia pada 10 Januari 2002.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ucapan Tun Dr Mahathir di majlis makan malam Oleh Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto di Tokyo, Jepun pada 26 Mac 1997.

⁴⁵ Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad di majlis makan malam Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, di Seri Perdana, Putrajaya, Malaysia pada 10 Januari 2002.

- ⁴⁶ Wawancara penulis dengan Tun Dr Mahathir Mohamad di Pejabat beliau di Tingkat 86 KLCC, Kuala Lumpur pada 9 Jun 2009.
- ⁴⁷ Bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci mengenai relasi Malaysia dengan Negara Jepun terutama dalam aspek ekonomi sila rujuk MD Nasrudin Md Akhir, Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, 2008. *Organisasi dan Institusi Jepun*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya, 2008, hlm. 198-204.
- ⁴⁸ *Straits Times*, 26 Nov. 1957 dan *Malay Mail*, 26 Nov. 1957.
- ⁴⁹ Ucapan Tun Dr Mahathir di Fifth Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 8 Februari 1982.
- ⁵⁰ Ucapan Tun Dr Mahathir di Changkat Pavillion, Kuala Lumpur, ketika merasmikan pameran pada 1 Mac 1984.
- ⁵¹ Wawancara penulis dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Jun 2009.
- ⁵² Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad di majlis makan malam Governor General of Papua New Guinea, Sir Kingsford Dibela, di Seri Perdana, Kuala Lumpur, 8 Oktober 1987. Sumber: Pejabat Perdana Menteri
- ⁵³ *Malay Mail*, 12 dan 13 Dec. 1956.
- ⁵⁴ Lihat Lim Chong Yah, op. cit., hlm. 225-226.
- ⁵⁵ Yap Gaik Khonn, 1960. *Treaties and Engagement Affecting Malaysia, 1940-1960*. Singapore: University of Singapore, hlm.47. J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, hlm. 40.
- ⁵⁶ *Foreign Affairs Malaysia*, vol.1. no. 1, 1966, hlm. 70.
- ⁵⁷ Lihat Lim Chong Wah (1969), op. cit., hlm. 225-226.
- ⁵⁸ Wawancara penulis dengan Tan Sri Rafidah Abdul Aziz pada 26 Februari 2009.
- ⁵⁹ Wawancara penulis dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Jun 2009.
- ⁶⁰ Lihat Phang Hooi Eng, 1988. *Foreign Direct Investment: A Study of Malaysia's Balance of Payment Position*. Selangor: Pelanduk Publication, hlm. 2.
- ⁶¹ Wawancara penulis dengan Tan Sri Rafidah Abdul Aziz pada 26 Februari 2009.
- ⁶² Wawancara penulis dengan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 9 Jun 2009.
- ⁶³ Ibid.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Ibid.

Rujukan

- Archive Mahathir Mohamad 5975, speech by Tun Dr Mahathir Mohamad, at 'The Inaugural Dinner of The Malaysian-British Society,' in Hilton Hotel, Kuala Lumpur on 18 September 1984. Source: Prime Ministers' Office.
- Chamil Wariya, 1989. *Dasar Lua Era Mahathir*. Fajar Bakti: Petaling Jaya.
- Eng, P.H. 1998. *Foreign Direct Investment: A Study of Malaysia's Balance of Payment Position*. Pelanduk Publication: Selangor, 1998.
- Jomo K.S. 1983, *The Sun Also Sets: Lessons in 'Looking East'*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.
- Lim Chong Yah. 1969. "West Malaysian External Trade, 1947-1965." In *Economic Interdependence in Southeast Asia*, eds. Theodore Morgan, and Nyle Spoelstra. Madison: University of Wisconsin Press. Maclean, D. 1970. *British Foreign Policy, 1956-1968*. London: Hodder and Stoughton.
- MD Nasrudin Md Akhir, Asmadi Hassan, dan Rohayati Paidi. 2008. *Organisasi dan Institusi Jepun*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia, Universiti Malaya.
- Means, Gordon P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.

Lampiran

Jadual 1 Komposisi Jumlah Kasar Eksport Malaysia (%)

Komoditi	Tahun 1951-55	Tahun 1956-60
Getah	64.0%	63.0%
Timah	19.0	17.0
Besi	0.3	4.0
Kayu Balak	1.0	2.0
Minyak Sawit	2.0	2.0
Lain-lain	13.7	2.0
Jumlah keseluruhan	100.0	100.0

Sumber: Lim Chong Yah. West Malaysian External Trade, 1947-1965 dalam Theodore Morgan and Nyle Spoelstra (eds), *Economic Interdependence in Southeast Asia*, Madison: University of Wisconsin Press, 1969, hlm.210.

Jadual 2 Destinasi Eksport Tanah Melayu Bagi Tahun 1958 (%)

Negara	1958
Singapura	23.8%
Britain	18.5
United State	10.6
Jepun	9.4
Jerman Barat	5.0
U.S.S.R.	3.9
Itali	3.8
China	2.9
India	2.7
Peranchis	2.6
Australia	1.7
Canada	1.6
Belanda	1.5
Jumlah Keseluruhan	88%

Sumber: Lim Chong Yah. West Malaysian External Trade, 1947-1965 dalam Theodore Morgan and Nyle Spoelstra (eds), *Economic Interdependence in Southeast Asia*, Madison: University of Wisconsin Press, 1969, hlm. 216.

Jadual 3 Destinasi Import Tanah Melayu Bagi tahun 1958 (%)

Negara	1958
Britain	25.0%
Thailand	11.0
Indonesia	10.6
Singapura	9.4
Jepun	5.0
China	3.9
Australia	3.8
Hong Kong	2.9
Burma	2.7
India	2.6
United State	1.7
Jerman	1.6
Barat	1.5
Jumlah Keseluruhan	88%

Sumber: Lim Chong Yah. West Malaysian External Trade, 1947-1965 dalam Theodore Morgan and Nyle Spoelstra (eds), Economic Interdependence in Southeast Asia, Madison: University of Wisconsin Press, 1969, hlm. 225-226.